

# INPES beri geran

Oleh **ABD NADDIN HJ SHAIDDIN**  
abdunnaddin@yahoo.com

# penyelidikan RM50,000

UB 10.10.2012 A5

**KOTAKINABALU:** Institut Penilaian Sastera (INPES) akan terus memainkan peranan sebagai sebuah organisasi yang bergiat dalam bidang penilaian sastera, penyelidikan, penganjuran seminar, bengkel, kursus dan sebagainya dalam usahanya untuk menyumbang ke arah pembinaan bangsa dan negara.

Pengerusi Eksekutif INPES, Dato' Dr Haji Janatan Kandok berkata sebagai sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan, INPES yang ditubuhkan pada 28 November 2001 akan terus membuat penyelidikan, penilaian dan promosi sastera, bahasa, sosial dan budaya masyarakat sesuai dengan matlamat penubuhan institusi itu.

Sehubungan itu, INPES telah menyerahkan geran penyelidikan bernilai RM50,000 kepada lima penyelidik dari tiga universiti terkemuka di negara ini untuk menjalankan penyelidikan mengenai masyarakat Sabah.


Kumpulan penyelidik itu diketuai oleh Prof Madya Dr Low Kok On dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Arulselvan Raju (UMS), Prof Madya Mat Zin Mat Kib (UiTM Sabah), Tony Paridi Bagang (UiTM) dan Dr Roosfa Hashim (UKM).

Janatan berkata, sebagai langkah permulaan, kumpulan penyelidik itu akan membuat penyelidikan mengenai masyarakat Kimaragang, kemudian

“INPES telah menyerahkan geran penyelidikan bernilai RM50,000 kepada lima penyelidik dari tiga universiti terkemuka di negara ini untuk menjalankan penyelidikan mengenai masyarakat Sabah.”

## DATO' DR HAJI JANATAN KANDOK

Pengerusi Eksekutif INPES



**PENGERUSI** Eksekutif INPES, Dato' Dr. Janatan Kandok (tiga dari kiri), Pengarah Urusan Inpes, Sukor Haji Usin (kanan sekali) bersama Kumpulan Penyelidik Geran Penyelidikan Inpes-SPS UMS.

diikuti dengan masyarakat Iranun dan Murut, sebelum membuat penyelidikan ke atas masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena penyerahan cek replika RM50,000 Geran Penyelidikan INPES-SPS UMS dalam satu majlis ringkas di Alam Mesra, baru-baru ini.

INPES atau The Literary Evaluation Institute

ditubuhkan di bawah The Trustees (Incorporation) Ordinance (CAP.148). INPES telah diluluskan oleh kerajaan Negeri dengan perkenan Yang Dipertua Negeri Sabah pada 28 November 2001.

Sementara itu, Low berkata pihaknya akan membuat penyelidikan mengenai segala aspek masyarakat Kimaragang termasuk menyelidik tokoh-tokoh masyarakat itu sehingga

ia dapat diterbitkan dalam bentuk buku, dijangka penghujung tahun depan.

Beliau berkata, penyelidikan itu sudah pun didaftarkan dalam Pusat Penyelidikan UMS tetapi pendanaannya dibiayai oleh INPES melalui geran penyelidikan itu.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Pengarah Urusan INPES, Sukor Haji Usin dan Setiausaha INPES, Abd Naddin Hj Shaiddin.